

ELEMEN KECERDASAN SPIRITUAL MENURUT HADIS: NIAT, KEHENDAK DAN MATLAMAT

Suriani Sudi, Phayilah Yama@Fadilah Zakaria
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
suriani@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kecerdasan spiritual merupakan satu aspek penting dalam pembentukan peribadi seseorang. Sebelum ini banyak teori dan kerangka konsep berkaitan kecerdasan spiritual dirujuk kepada sarjana Barat. Walau bagaimanapun, teori dan kerangka konsep yang dikemukakan oleh mereka adalah tidak sesuai untuk dijadikan kayu ukur dalam hidup seorang muslim. Keperluan kepada kecerdasan spiritual hakikatnya telah lama dibincangkan oleh sumber utama Islam al-Quran dan hadis serta sarjana muslim seperti al-Ghazali, Ibnu Sina serta Najati. Dari situ satu konsep kecerdasan spiritual menurut Islam telah dibentuk. Kefahaman tentang definisi dan konsep kecerdasan spiritual perlu dirungkai dalam masyarakat Islam kerana ia merupakan faktor utama kepada perubahan diri seseorang dan membuatkan hidup lebih bermakna. Kajian ini menghuraikan salah satu elemen penting dalam kecerdasan spiritual iaitu berkaitan dengan penentuan niat, kehendak dan matlamat. Kajian akan menggunakan kaedah analisis secara tematik iaitu dengan mengenal pasti hadis-hadis yang berkaitan dengan niat dan matlamat. Hasil kajian mendapati, niat dan matlamat merupakan elemen penting dalam menentukan tahap kecerdasan spiritual seseorang.

Kata kunci: kecerdasan spiritual, elemen, niat, matlamat

1. PENGENALAN

Tidak dinafikan bahawa perkembangan keilmuan moden telah begitu didominasi oleh fahaman sekularisme. Fahaman yang sedemikian lama mendominasi sejarah peradaban moden hingga akhirnya telah memberikan jurang pemisah yang mendalam antara ilmu dengan spiritual agama.

Zohar dan Marshal (2000) yang mengatakan bahawa makna dan nilai adalah datang dari dalaman hati nurani manusia. Kecerdasan yang membuatkan hidup seseorang menjadi lebih luas, kaya dan bermakna. Mereka berpendapat kecerdasan spiritual adalah kecerdasan untuk menghadapi persoalan makna atau *value* iaitu kecerdasan untuk menempatkan perilaku atau hidup kita dalam konteks makna yang lebih luas dan kaya, kecerdasan untuk menilai bahawa tindakan atau jalan seseorang itu lebih bermakna dibandingkan dengan yang lain. Kecerdasan spiritual adalah kecerdasan yang diperlukan untuk memfungsikan kecerdasan minda dan kecerdasan emosi secara efektif. Kecerdasan spiritual merupakan kecerdasan tertinggi yang harus dimiliki oleh seseorang dalam konteks menjalani kehidupan seharian. Maka menurut mereka kecerdasan spiritual adalah kecerdasan jiwa. Seseorang boleh mencapai kecerdasan spiritual yang tinggi apabila mereka berjaya memecahkan persoalan makna dan nilai sehingga mampu meletakkan perilaku dalam konteks makna yang lebih luas dan kaya.

Namun demikian,ungkapannya berkaitan kecerdasan spiritual memperlihatkan unsur kemanusiaan dan humanisme serta memisahkan agama dari konsep tersebut;

Spiritual Quotient (SQ) tidak mesti berhubungan dengan agama. Bagi sebahagian orang, SQ mungkin menemukan cara pengukapan mengenai agama formal tetapi beragama tidak menjamin SQ yang tinggi. Banyak orang humanis dan atheis memiliki IQ yang sangat

tinggi. Sebaliknya banyak orang yang aktif beragama memiliki SQ yang sangat rendah.

Tidak dapat dinafikan bahawa karya pasangan Zohar dan Marshall (2000) telah menjadi adalah pendorong dalam memperkenalkan lagi konstruk kecerdasan spiritual dalam bidang psikologi moden. Semenjak dari itu, pelbagai teori, konsepsi dan saranan telah dikemukakan oleh sarjana Barat dan juga Timur untuk menggabungkan konsep kerohanian (spirituality) dengan kecerdasan (intelligence) bagi mengesahkan konstruk ini sebagai kecerdasan manusia antaranya Amram (2007). Amram (2007) didapati telah mengenal pasti tujuh tema utama berkaitan kecerdasan ruhaniah iaitu “*meaning, consciousness, grace, transcendence, truth, peaceful surrender to Self, and inner-directed freedom* (Amram: 2007). Namun Amram yang menggunakan pendekatan kualitatif telah mengambil tradisi pelbagai agama dan ideologi seperti Buddha, Kristian, Hindu, Jewis, Taoism, Yoga dan juga Islam untuk mengesahkan konstruk dan dimensi kecerdasan spiritual. Beliau telah memperoleh dimensi dan sub-dimensi kecerdasan spiritual untuk instrumen pengukurannya dengan mengharmonikan dan menyamaratakan kefahaman amalan kerohanian oleh orang-orang yang alim dalam agama masing-masing seperti paderi, mubaligh Kristian, sami, imam, ahli sufi sedangkan majoriti agama ini adalah bertunjangan fahaman politeisme iaitu menidakkan kewujudan Tuhan yang satu.

Apa yang telah dilakukan oleh Amram (2007) adalah penyalahgunaan konsep amalan kerohanian amalan kerohanian agama lain sama sekali tidak boleh dicampuradukkan dan disamaratakan dengan fahaman kerohanian Islam seperti mana yang dinyatakan dalam Surah al-Kafirun. Islam takkan selamanya sebaris dengan agama lain malah Islam itu lebih tinggi dan tiada yang lebih tinggi selain Islam.

Vaughan (2002) pula mendefinisikan kecerdasan ruhaniah sebagai kemampuan seseorang untuk memahami secara mendalam mengenai persoalan kewujudan mengikut pelbagai peringkat kesedaran. Selain itu, Vaughan (2002) juga menyatakan kecerdasan ruhaniah dalam diri seseorang boleh dikaji melalui tiga soalan iaitu “Who am I”, “Why am I here” and “What really matters”.

Sebagai contoh yang lain ialah pandangan Frankl yang menyebut bahawa spiritual dimaksudkan sebagai inti kemanusiaan dan sumber makna hidup dan potensi dari berbagai kemampuan dan sifat luhur manusia yang luar biasa. Bagi beliau, spiritual hanyalah aspirasi manusia untuk hidup bermakna dan tidak langsung mengandungi erti agama (Frankl).

Meskipun tidak dinafikan bahawa aliran ini sering menyebut dan mengakui adanya daya spiritual dalam struktur keperibadian manusia, namun spiritual yang dimaksud oleh mereka ini bukanlah agama, tetapi hanya kebergantungan manusia pada sesuatu yang hanya nampak di hadapan mata.

Hakikatnya menurut Suriani (2016), terdapat perbezaan yang jelas pada pandangan Barat ini berbanding apa yang telah Islam tetapkan. Barat menganggap kecerdasan spiritual adalah semata-mata sebagai potensi khas yang merupakan satu jawapan untuk mengisi kelompangan rohani mereka dan kemiskinan terhadap makna sebuah

kehidupan hasil dari kemelut jiwa masyarakat Barat dalam jasad. Kecerdasan spiritual Barat juga adalah bertunjangkan kepada humanisme tanpa ada sebarang perkaitan dengan agama, kekuasaan dan kekuatan Tuhan. Sedangkan di dalam Islam spiritual atau kerohanian mempunyai hubungan langsung dengan Allah dan berasaskan kepada tauhid kepadaNya. Islam telah menegaskan bahawa pembangunan spiritual ini bermula dengan penjagaan hati sebagai raja anggota badan. Dalam perspektif psikologi Islam, hati diungkap sebagai *al-qalb* (Fariza 2015). Al-Qalb perlu kepada *tazkiyah al-nafs* sebagai satu proses penyucian jiwa untuk mencapai kecerdasan spiritual yang tinggi. Malah lebih dari itu, kecerdasan spiritual dalam Islam akan membuatkan seseorang itu menguasai kemampuan dan kekuatan dirinya ke tahap yang tertinggi yang dia mampu, mempunyai peribadi yang menyeluruh dan seimbang, malah mampu berhadapan ujian dan cabaran hidup serta mempunyai arah tuju kehidupan yang jelas. Kecerdasan spiritual itu juga akan menolak seseorang untuk berinteraksi bersama orang sekeliling lantas melakukan sesuatu yang berfaedah untuk diri dan masyarakatnya.

Spiritual menurut perspektif Islam adalah aspek dalaman manusia yang tidak dapat diungkap oleh pancaindera manusia. Spiritual adalah dimensi agama. Hubungan antara spiritual dan agama dijelaskan oleh Al-Qardawi (2001). Dari perspektif psikologi Islam, manusia dicipta mempunyai dua aspek yang saling memerlukan iaitu aspek spiritual dan jasmani (Fariza et. al, 2015). Oleh itu, individu yang sejahtera ialah individu yang mempunyai keseimbangan antara aspek spiritual dan material.

Maka kertas kerja ini akan mengupas aspek spiritual hadis. Kertas kerja ini akan memaparkan elemen kecerdasan spiritual menurut hadis dengan memfokuskan kepada elemen niat, kehendak dan matlamat.

2. METODOLOGI KAJIAN

Penulis telah menjalankan kajian kualitatif secara analisa kandungan dengan menggunakan kaedah tematik. Di dalam kajian ini, penulis akan mengumpulkan hadis-hadis yang mempunyai kaitan dengan niat, kehendak dan matlamat kemudian penulis meletakkan tema yang bersesuaian untuk ayat-ayat yang ditemui yang disertakan dengan penjelasan dan syarahan terhadap hadis-hadis tersebut.

3. PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Pada bahagian ini penulis akan mulai dengan perbincangan berkaitan kecerdasan spiritual dan seterusnya elemen-elemen kecerdasan spiritual yang berkaitan dengan niat dan matlamat yang diambil dari hadis-hadis yang telah ditemakan.

3.1 Kecerdasan Spiritual

3.1.1 Kecerdasan

Kecerdasan dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *intelligence* dan kamus al-Mawrid menterjemahkan *intelligence* sebagai *Zaka'*, *Fahm* dan *Idrak* (Munir Ba'albaki. 1994) Menurut Kamus Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasi *Zaka'* dalam ilmu kejiwaan bermaksud kemampuan untuk menyelesaikan, menyusun, membezakan dan memilih dalam berhadapan keadaan yang pelbagai. *Idrak* pula diertikan di dalam falsafah sebagai mengetahui dalam makna yang paling luas (Ahmad al-'Ayyid et.al. 1988). Kamus Dewan Edisi Keempat menyatakan kecerdasan berasal dari perkataan

cerdas dan ia bermaksud sempurna akal (utk berfikir, mengerti dll), cerdas, pandai, pintar dan tajam fikirannya. Maka kecerdasan menurut Kamus Dewan adalah kesempurnaan akal untuk berfikir dan mengerti.

Arbainyah (2006) dan Syed Najmuddin (2005) mendefinisikan kecerdasan sebagai keupayaan seseorang menerima, memproses dan menilai maklumat serta menggunakan inisiatif untuk menyelesaikan masalah dalam persekitaran tertentu. Menurut Ramayulis (2004) menyatakan kecerdasan juga bermaksud kemampuan untuk memahami sesuatu secara cepat dan sempurna. Manakala menurut Wechsler (1958) kecerdasan sebagai kebolehan individu bertindak, berfikir dan berinteraksi dengan persekitaran. Menurut Ausubel pula (1968), kecerdasan ialah kemampuan seseorang dalam kepelbagaian fungsi sehingga menghasilkan potensi yang pelbagai dalam penyelesaian masalah.

Maka kecerdasan yang dimaksudkan di sini adalah kemampuan dalam berfikir, mengerti, memahami dan bertindak secara cepat dan sempurna dalam berinteraksi dengan persekitaran dan dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan.

3.1.2 Spiritual

Kamus Dewan Edisi Keempat menyatakan spiritual adalah sesuatu yang bersifat rohani atau jiwa yakni bukan yang bersifat fizikal. Perkataan spirit juga disebut sebagai rohani dalam Kamus Webster (1963). Perkataan spirit jika merujuk kamus al-Mawrid (1994) ia bermaksud roh di dalam bahasa Arab (Munir Ba'albaki 1994)

Sebagaimana (Salasiah 2014) mendefinisikan spiritual itu sebagai hal-hal yang berkaitan kerohanian, bukan jasmani, yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, secara khususnya adalah berkaitan dengan jiwa, ruh, hati, akal dan sifat insan

Para sarjana menggunakan perkataan spiritual dalam pelbagai istilah. Antaranya ialah *al-Qalb*, *al-Nafs*, dan ruhaniah. Al-Ghazali (1998) dan (1994) menyatakan bahawa *al-Qalb* adalah berkaitan persoalan dalaman dan kejiwaan manusia dan ia merujuk kepada empat elemen kerohanian manusia iaitu *al-ruh*, *al-qalb*, *al-'aql* dan *al-nafs*. Ini menjelaskan bahawa ia adalah aspek kerohanian dan merupakan aspek ma'nawi yang tersimpan di dalam diri manusia. Istilah *al-nafs* digunakan oleh Najati melalui bukunya *al-Qur'an wa 'Ilm al-Nafs* dan *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs*. Penggunaan istilah kerohanian pula di gunakan antaranya oleh Zakaria (2005). Menurutnya unsur-unsur kerohanian manusia bukan hanya tertumpu pada ruh semata-mata tetapi juga hati, jiwa dan akal yang diciptakan Allah sekali gus dalam penciptaan manusia. Wan Hussain Azmi (1995) di dalam bukunya *Kaunseling Dan Psikologi Menurut Islam* pula menyatakan bahawa kerohanian manusia terdiri dari; ruh, nafs (naluri), hawa dan akal. Menurutnya tugas roh hanya untuk menjadikan jasmani manusia hidup. Manakala nafs dan akal lebih hampir kepada kekuatan atau tenaga hidup yang mempunyai kehendak dan juga naluri. Kedua-dua nafs dan akal ini bekerja secara sedar dan tidak sedar. Manakala hawa pula merupakan satu tenaga yang menarik nafs kepada melakukan segala kehendaknya tanpa menghiraukan kehendak akal. Istilah ruhani juga turut digunapakai oleh para pengkaji seperti Elmi melalui Tesisnya Phdnya yang bertajuk *Kecerdasan Ruhaniah dan Amalan Agama di Rumah Kebajikan, Toto Tasmara* di dalam bukunya *Kecerdasan Ruhaniah*. Manakala istilah spiritual banyak digunapakai oleh pengkaji kontemporari antaranya Adz-Dzakiey, Salasiah, Fariza, Aida Hartini.

Menurut Adz-Dzakiey (2005), perkataan spiritualiti itu sendiri dapat ditafsirkan kepada tiga perkara. Pertama perkara yang ada hubung kait dengan ruh, semangat ataupun jiwa. Kedua perkara yang ada hubung kait dengan agama, kesalihan dan keimanan. Manakala yang ketiga pula ialah perkara yang bersifat mental dan lawan kepada material, fizikal atau jasmani. Seperti mana Salasiah et. al (2012) dan Fariza (2013) turut menjelaskan bahawa konstruk spiritual adalah merupakan kombinasi antara empat elemen iaitu hati, jiwa, akal dan roh. Fariza et al (2013) menjelaskan lagi bahawa komponen ini bersifat dalaman yang mempengaruhi penjelmaan personaliti seseorang. Maka perkataan roh dalam epistemologi Islam adalah menggambarkan kepada maksud spiritual yang dibincangkan. Salasiah (2004) mendefinisikan spiritual sebagai kualiti dalaman manusia yang dapat menghubungkannya dengan individu yang lain dan dapat membantu manusia menyesuaikan diri dengan situasi kehidupan.

3.1.3 Kecerdasan Spiritual

Para sarjana Islam telah memberikan maksud kepada kecerdasan spiritual. al-Ghazali (1998) dan (1994) dalam menghuraikan maksud spiritual, beliau menjelaskan bahawa di sana ada empat elemen yang membentuk spiritual seseorang iaitu *al-qalb* (hati), *al-ruh* (roh), *al-nafs* (jiwa) dan *al-'aql* (akal). Imam al-Ghazali (1998) telah mengklasifikasikan *al-nafs* kepada beberapa peringkat bermula dari yang bersifat *al-nafs al-ammarah* hinggalah kepada peringkat hati yang tenang lagi suci bersih yang dinamakan sebagai *al-nafs al-mutmainnah*. Pada tahap ini rasa cintanya kepada Allah mendorongnya sentiasa melakukan kebaikan dan mengajak orang lain ke arah kebaikan. Keinginannya untuk menyelamatkan manusia lain dari dosa dan kemurkaan Allah begitu tinggi sehingga mendorongnya menjadi seorang pendakwah yang sentiasa berjuang untuk menegakkan kalimah Allah. Peringkat inilah yang ditafsirkan sebagai spiritual yang sangat cerdas.

Ibn Sina pula membahagikan *Al-Nafs* kepada tiga bahagian. Jiwa tumbuh-tumbuhan, jiwa haiwan dan jiwa insan. Jiwa tumbuh-tumbuhan adalah sebagai kesempurnaan awal bagi tubuh di mana ia daya nutrisi, daya pertumbuhan dan daya reproduktif. Jiwa ini dikatakan ada pada manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Jiwa haiwan pula terdiri dari dua daya iaitu daya penggerak (syahwat, emosi) dan daya persepsi (penglihatan, pendengaran, imaginasi, fantasi dan memori). Jiwa insaniah pula mencakup jiwa-jiwa yang khusus buat manusia. Ia juga dinamakan sebagai jiwa rasional yang menisbahkan semua fungsi kepada akal. Jiwa ini mempunyai dua daya iaitu daya akal praktis dan daya akal teori. Daya akal praktis cenderung untuk mendorong manusia untuk memutuskan perbuatan yang mahu dilakukan atau ditinggalkan, di mana kita boleh menyebutnya perilaku moral. Manakala daya akal teori adalah daya akal potensi dan akal bakat (Ibn Sina 2009). Maka jiwa insan inilah yang dikategorikan sebagai jiwa yang cerdas.

Manakala Najati (1992) menafsirkan kecerdasan spiritual sebagai kematangan emosi dan sosial. Iaitu kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan lingkungan sekitarnya, mampu untuk menanggung tanggungjawab dan berdepan dengan pelbagai masalah. Menjalani hidup dengan penuh reda dan bahagia dan bermakna. Najati juga menyamakan kecerdasan spiritual ini sebagai *al-nafs al-mutmainnah*.

Maka kecerdasan spiritual yang dimaksudkan di sini adalah kemampuan dalam berfikir, mengerti, memahami, sentiasa positif dan bertindak secara cepat dan sempurna dalam berinteraksi dengan persekitaran dan dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan yang bertempat dalam hati, jiwa, akal dan roh. Ia merupakan kualiti dalaman manusia yang berhubungan langsung dengan Allah. Ia bersifat dalaman, non material dan merupakan aspek ma'nawi yang tersimpan di dalam diri manusia yang dapat menghubungkannya dengan individu yang lain dan dapat membantu manusia menyesuaikan diri dengan situasi kehidupan.

3.2 Niat dan Matlamat Sebagai Elemen Kecerdasan Spiritual

Berikut di datangkan elemen kecerdasan spiritual yang berkaitan niat dan matlamat yang di temui dari hadis-hadis sahih.

3.2.1 Mempunyai misi dan matlamat yang jelas.

Misi bermaksud niat, matlamat, objektif dan tujuan (Kamus Dewan) dan niat terletak di dalam hati (Ibn Uthaimin 1426H) dan niat itu sendiri bermaksud tujuan dan kehendak (Ibn Rajab 2004) dan ia bertempat di dalam hati malah ia merupakan amalan hati (al-Nawawi 2006; Ibn Uthaimin 2004).

Antara hadis yang menyentuh tentang niat ini adalah;

عَنْ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَلِكُلِّ أَمْرٍ مَا نَوَى
فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا
يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْزَوِجُهَا فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Maksudnya; Dari Umar, bahwa Rasulullah s.a.w bersabda: "Semua perbuatan tergantung niatnya, dan (balasan) bagi tiap-tiap orang bergantung dengan apa yang diniatkan; barangsiapa niat hijrahnya kerana Allah dan RasulNya, maka hijrahnya adalah kepada Allah dan Rasul-Nya. Barangsiapa niat hijrahnya kerana dunia yang ingin digapainya atau kerana seorang perempuan yang ingin dinikahnya, maka hijrahnya adalah kepada apa dia diniatkan (Bukhari. Kitab al-Iman. Bab Ma Ja'a Inna al-'A'mal bi al-Niyah. No hadis 54)

Ibn Uthaimin (1426H) menjelaskan hadis ini menerangkan bahawa setiap amalan dan pekerjaan itu adalah dengan niat dan matlamat dan al-Sa'adi (1423H) pula menyatakan hadis ini adalah merupakan timbangan untuk amalan batin. Ibn Rajab (2004) menjelaskan bahawa setiap perbuatan di kiaskan dengan peristiwa hijrah ini di mana baik atau buruknya sesuatu amalan dan perbuatan adalah berdasarkan kepada niat serta matlamat perbuatan tersebut. Seperti mana baginda s.a.w di dalam hadis ini membuat perbandingan antara dua matlamat dalam penghijrahan muslimin ke Madinah iaitu matlamat hijrah kerana Allah dan kerana wanita yang ingin dinikahi. Maka baginda s.a.w menjelaskan sesiapa yang bermatlamatkan hijrah kerana cintakan Allah dan Rasul serta bertujuan untuk menzahirkan agama Islam, maka hijrahnya adalah kerana Allah dan Rasul. Manakala bagi mereka yang berhijrah kerana mengejar dunia dan perempuan yang ia mahu nikahi, baginda s.a.w menyebutkan bahawa ia akan hanya mendapat apa yang ia niatkan iaitu dunia dan wanita yang ingin dinikahi. Maka jelas di dalam hadis ini akan kepentingan niat serta

matlamat yang jelas dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan dan itulah tanda spiritual yang cerdas.

3.2.2 Matlamat pekerjaan yang ikhlas kerana Allah.

Ikhlas adalah sama sahaja perbuatan seseorang samada yang nampak dan tidak nampak. Ia merupakan rahsia antara hamba dengan Tuhannya. Tidak mengharap perbuatannya dilihat oleh manusia dan tidak mengharapkan ganjaran selain ganjaran Allah (Ibn Qayyim 1993). Hadis di bawah menjelaskan bahawa ikhlas merupakan syarat sesebuah amal itu diterima Allah dan mana-mana perbuatan yang dibuat bukan kerana Allah adalah ditolak dan ia tidak mendapat apa-apa ganjaran di dunia mahupun di akhirat (Ibn Rajab 2004, Mustafa 1987).

عَنْ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَلِكُلِّ أَمْرٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَتَرَوُّجُهَا فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Maksudnya; Dari Umar, bahwa Rasulullah s.a.w bersabda: "Semua perbuatan tergantung niatnya, dan (balasan) bagi tiap-tiap orang bergantung dengan apa yang diniatkan; barangsiapa niat hijrahnya karena Allah dan RasulNya, maka hijrahnya adalah kepada Allah dan Rasul-Nya. Barangsiapa niat hijrahnya karena dunia yang ingin digapainya atau karena seorang perempuan yang ingin dinikahnya, maka hijrahnya adalah kepada apa dia diniatkan (Bukhari. Kitab al-Iman. Bab Ma Ja'a Inna al-'A'mal bi al-Niyah. No hadis 54)

عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ الرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِلْمَغْنَمِ وَالرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِلذِّكْرِ وَالرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِيُرَى مَكَانَهُ فَمَنْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ قَالَ مَنْ قَاتَلَ لِيُتَكُونَ كَلِمَةَ اللَّهِ هِيَ الْعُلْيَا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Maksudnya; dari Abu Musa r.a berkata; Datang seorang laki-laki kepada Nabi s.a.w lalu berkata: "Seseorang berperang untuk mendapatkan ghanimah, seseorang yang lain agar menjadi terkenal dan seseorang yang lain lagi untuk dilihat kedudukannya, manakah yang disebut *fi sabilillah*?" Maka baginda s.a.w bersabda: "Siapa yang berperang untuk meninggikan kalimat Allah dialah yang disebut *fi sabilillah*" (Bukhari. Kitab al-Jihad wa al-sir. Bab Man Qatala Litakun Kalimatullah Hiya al-'Ulya. No hadis 2599)

Hadis di atas menjelaskan perbuatan yang diterima di sisi Allah adalah berdasarkan kepada niat yang ikhlas. Maka bagi mereka yang berjihad, kemuliaan adalah mereka yang berjuang untuk meninggikan kalimat Allah berbanding atas sebab-sebab yang lain (Mustafa 1987) Menurut Ibn Uthaimin (1426H) mereka yang berperang untuk meninggikan kalimat Allah itu menunjukkan kepada niat yang ikhlas.

Malah dalam sebuah hadis yang lain baginda s.a.w menjelaskan bahawa ganjaran tetap diberikan kepada mereka yang ikhlas berniat untuk pergi berjihad dan punyai keinginan untuk berjihad namun tidak mampu untuk pergi disebabkan ada keuzuran (Mustafa 1987).

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ فِي غَزَاةٍ ، فَقَالَ " : إِنَّ أَقْوَامًا بِالْمَدِينَةِ خَافْنَا مَا سَلَكْنَا شِعْبًا ، وَلَا وَايَا إِلَّا وَهُمْ مَعَنَا فِيهِ حَبْسَهُمُ الْعُدْرُ . فِي حَدِيثٍ وَكَيْعٍ إِلَّا شَرَكُوكُمْ فِي الْأَجْرِ

Maksudnya; Nabi s.aw dalam suatu peperangan pernah bersabda: "Sesungguhnya ada kaum yang berada di Madinah tidak ikut berperang bersama kita, tidaklah kita mendaki bukit, tidak pula menyusuri lembah melainkan mereka bersama kita dalam berperang karena mereka tertahan oleh uzur (alasan) yang benar. (Bukhari. Kitab al-Jihad wa al-sir. Bab Man Hasbuhu al'Uzr 'an al-Ghazw. No hadis 2627). Di dalam hadis Waki' disebutkan; Melainkan mereka juga mendapatkan pahala seperti kalian (Muslim. Kitab al-Imarah. Bab Thawab Man Hasbuhu al-'Azw wa Maradh aw 'Uzr Akhar. No hadis 3534)

Hadis-hadis di atas menunjukkan kepada kepentingan serta kelebihan meletakkan niat yang ikhlas untuk melakukan satu-satu pekerjaan.

3.2.3 *Himmah 'Aliyah* (azam dan kehendak tinggi) untuk melakukan kebaikan.

Himmah 'aliyah seperti yang dimaksudkan oleh al-Hamd (t.t) ialah niat yang benar, azam yang kuat, kehendak yang tinggi dan keinginan yang kuat dan tinggi untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkarannya. Ia seterusnya akan melahirkan kesungguhan dalam melakukan sesuatu perkara, merasa tinggi dari perkara-perkara yang kecil dan rendah dan bercita-cita untuk ke tempat yang tinggi (al-Hamd t.t).

Himmah berasal dari perkataan هَمٌّ yang bermaksud azam (Ibn Hajar 1986; Ibn Uthaimin 2004:). Ibn Qayyim (1993) menyatakan bahawa azam adalah kehendak dan tujuan yang kuat yang diteruskan dengan tindakan. Ia juga bermaksud mengumpulkan kekuatan dan kehendak untuk melakukan sesuatu. Sebagaimana (Jurjani t.t.) mentakrifkan *himmah* sebagai menghalakan hati dan niat ke arah yang benar dengan sepenuh kekuatan ruhani dengan tujuan untuk mendapatkan kesempurnaan.

Hadis-hadis di bawah jelas menunjukkan maksud هَمٌّ dan kelebihan mempunyai *himmah 'aliyah*.

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيمَا يَرْوِي عَنْ رَبِّهِ عَزَّ وَجَلَّ قَالَ قَالَ إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ ثُمَّ بَيَّنَ ذَلِكَ فَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً فَإِنْ هُوَ هَمَّ بِهَا فَعَمَلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ عَشْرَ حَسَنَاتٍ إِلَى سَبْعِ مِائَةٍ ضِعْفٍ إِلَى أضعاف

Maksudnya; dari Ibn 'Abbas dari Nabi s.a.w yang baginda s.a.w riwayatkan dari Rabbnya (hadis qudsi) Allah Azza wa Jalla berfirman, yang baginda sabdakan; Allah menulis kebaikan dan kejahatan, selanjutnya baginda jelaskan; Siapa yang berniat kebaikan lantas tidak jadi ia amalkan, Allah mencatat satu kebaikan disisi-Nya secara sempurna dan jika ia berniat lantas ia amalkan, Allah mencatatnya sepuluh kebaikan, bahkan hingga dilipatgandakan tujuh ratus kali, bahkan lipatganda yang tidak

terbatas (Bukhari. Kitab al-Riqaq. Bab Man Hamma bi al-Sayyi'ah wa al-Hasanah. No hadis 6010)

Hadis di atas bermaksud sesiapa yang mempunyai azam untuk melakukan ketaatan dan mengikat hatinya untuk berbuat demikian maka Allah tulis baginya kebaikan. Sesungguhnya Allah tulis kebaikan bagi seseorang walau hanya dengan kehendaknya yang baik. Ini kerana kehendak yang baik adalah sebab kepada amal yang baik. Maka kehendak yang baik itu adalah satu kebaikan dan kehendak yang baik itu merupakan amalan dan perbuatan hati (Ibn Hajar 1986, Ibn Uthaimin 2004).

Malah dalam sebuah hadis lain, baginda s.a.w menjelaskan bahawa bagi mereka punyai kehendak serta keinginan untuk berjihad namun tidak mampu untuk pergi disebabkan ada keuzuran, Allah tetap kurniakan ganjaran buat mereka (Mustafa 1987).

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ فِي غَزَاةٍ ، فَقَالَ : إِنَّ أَقْوَامًا بِالْمَدِينَةِ خَافْنَا مَا سَلَكْنَا شِعْبًا ، وَلَا وَاِدْيَا إِلَّا وَهُمْ مَعَنَا فِيهِ حَبْسَهُمُ الْعُدْرُ . فِي حَدِيثٍ وَكَيْعٍ إِلَّا شَرَكُوكُمْ فِي الْأَجْرِ

Maksudnya; Nabi s.aw dalam suatu peperangan pernah bersabda: "Sesungguhnya ada kaum yang berada di Madinah tidak ikut berperang bersama kita, tidaklah kita mendaki bukit, tidak pula menyusuri lembah melainkan mereka bersama kita dalam berperang karena mereka tertahan oleh uzur (alasan) yang benar. (Bukhari. Kitab al-Jihad wa al-sir. Bab Man Hasbuhu al'Uzr 'an al-Ghazw. No hadis 2627). Di dalam hadis Waki' disebutkan; Melainkan mereka juga mendapatkan pahala seperti kalian (Muslim. Kitab al-Imarah. Bab Thawab Man Hasbuhu al-'Azw wa Maradh aw 'Uzr Akhar. No hadis 3534).

Menurut al-Muqaddam (t.t) nas-nas yang berbentuk 'targhib wa tarhib' melahirkan kekuatan yang menolak serta menggerakkan hati mukmin. Menghalakannya untuk melakukan ketaatan serta meninggalkan kemaksiatan dan kemungkaran serta membangkitkan cita-cita serta menyuntiknya untuk berlumba-lumba dalam kebaikan. Contoh padanya banyak antaranya adalah hadis di bawah;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " : ، وَفِي كُلِّ خَيْرٍ أَحْرَصَ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ

Maksudnya; Dari Abu Hurairah r.a, Rasulullah S.A.W bersabda: Capailah dengan sungguh-sungguh apa yang berguna bagimu, (Muslim. Kitab al-Qadr. Bab fi al-amr bi al-Quwwah wa Taraka al-'Ajz. No hadis 4822)

Begitu juga pada hadis;

عَنْ حَكِيمِ بْنِ جَرَامٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى وَإِبْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ وَخَيْرُ الصَّدَقَةِ عَنْ ظَهْرِ غِنَى وَمَنْ يَسْتَعْفِفْ يُعِفَّهُ اللَّهُ وَمَنْ يَسْتَغْنِ يُغْنِهِ اللَّهُ

Maksudnya; Dari Hakim bin Hiram r.a dari Nabi s.a.w berkata,: Tangan yang di atas lebih baik dari pada tangan yang di bawah, maka mulailah untuk orang-orang yang menjadi tanggunganmu dan sedekah yang paling baik adalah dari orang yang sudah cukup (untuk keperluan dirinya). Maka barangsiapa yang berusaha memelihara dirinya, Allah akan memeliharanya dan barangsiapa yang berusaha mencukupkan dirinya maka Allah akan mencukupkannya (Bukhari. Kitab al-Zakah. Bab La Sadaqa illa ‘an Zahri Ghina. No hadis 1338).

Menurut Ibn Battal (2003) hadis di atas mengandungi galakan untuk mendapatkan tempat yang lebih tinggi dan meninggalkan yang rendah iaitu menggalakkan untuk memberi dan menjauhi dari meminta-minta. Maka maksud hadis ini menepati maksud *himmah’alayah* yang dimaksudkan oleh al-Hamd (t.t) seperti yang telah dinyatakan di atas.

4. RUMUSAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Hasil yang didapati dari kajian di atas jelas menunjukkan bahawa konsep kecerdasan spiritual ini telah lama dibincangkan oleh para sarjana Islam mendahului sarjana Barat. Malah terdapat jurang perbezaan yang besar antara konsep yang diketengahkan oleh barat berbanding Islam. Para sarjana Islam telah meletakkan kecerdasan spiritual ini sebagai elemen penting dalam kehidupan seseorang. Penulis mendapati hadis-hadis banyak menyentuh dan menekankan akan kepentingan serta peranan niat dan kehendak dalam kehidupan. Hadis-hadis telah menekankan kepada keperluan mempunyai misi dan matlamat yang jelas, matlamat pekerjaan yang perlu ikhlas kerana Allah dan perlunya kepada *himmah’alayah* (azam dan kehendak tinggi) untuk melakukan kebaikan. Maka dengan ini penulis merumuskan bahawa antara elemen penting berkaitan kecerdasan spiritual adalah niat, kehendak dan matlamat seseorang.

5. RUJUKAN

- Ahmad al-‘Aiyid et.al. 1988. *Al-Mu’jam al-‘Arabiy al-Asasi*.
- Aida Hartini binti Nan. 2012. *Pelaksanaan Pendekatan Spiritual Dakwah Dalam Kaunseling Di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Dato’ Abu Bakar Baginda Sungai Merab*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam Jabatan Dakwah dan Pengurusan Insan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arbaiyah Md.Zin. 2006. *Tinjauan Kecerdasan Pelbagai di Kalangan Pelajar Tingkatan 4*. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ausubel, David Paul. 1968. *Education Psychology: a Cognitive View*. Rinehart and Winston, New York: Holt
- Bukhari, Abu Abdullah Muhammad b. Ismail b. Ibrahim al-Mughirah. 1992. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- Danah Zohar & Ian Marshall. 2000. *SQ - Spiritual Intelligence, The Ultimate Intelligence*. AJM January 2001. <http://www.alisonmorgan.co.uk/Zohar.htm>.
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. 2013. *Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua dengan Amalan Agama di Rumah Kebajikan*. ISLAMIYYAT 35(1) 2013: 19 – 28
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. 2014. *Definisi Dan Konsep Kecerdasan Ruhaniah Menurut Perspektif Sarjana Islam*. Jurnal Penyelidikan Islam JAKIM Vol 27.

- Fariza Md Sham et al. 2015. *Education Module for Out-Of-Wedlock Pregnant Adolescents. The Turkish Journal of Educational Technology. August 2015.*
- Fariza Md. Sham et al. 2013. *Personaliti Dari Perspektif al-Ghazali.* Bangi: Penerbit UKM
- Frankl. 1997. *Man's Search For Meaning; An Introduction To Logotherapy.* London: Eight Impression, Hodder and Stoughton, Ltd.
- Al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1998. *Ihya' Ulum al-Din.* Jil 3. Kaherah: Dar al-Hadis.
- al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1994. *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Ghazali.* Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Hamdan Bakran Adz-Dzakiey. 2007. *Psikologi Kenabian.* Yogyakarta: al-Manar.
- Ibn Abi al-'Izz al-Hanafi Abu al-Hasan 'Ali bin 'Ala' al-Din. 1391H. *Syarah al-Aqidah al-Tahawiyah.* Beirut: al-Maktabah al-Islami
- Ibn Hajar al-'Asqalani Ahmad bin 'Ali 1986. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari.* Beirut: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Ibn Jawzi, Abdul Rahman bin 'Ali bin Muhammad. 1404H. *Zad al-Muyassar fi 'Ilm al-Tafsir.* Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Ibn Rajab Al-Hanbali Zainuddin Abd.al-Rahman bin Ahmad bin Rajab. 2004. *Jami' 'Ulum wa al-Hikam.* Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibn Sina. 2009. *Ahwal an-Nafs: Risalah fi Nafs wa Baqa'iha wa Ma'adiha (terj.) Psikologi Ibn Sina,* Bandung, Pustaka Hidayah.
- Ibn al-Uthaimin Muhammad bin Saleh bin Muhammad. 1426H. *Syarah Riyad al-Salihin.* Riyadh: Dar al-Watan li al-Nasyr
- Ibn al-Uthaimin Muhammad bin Saleh bin Muhammad. 2004. *Syarh al-Arba'in al-Nawawiyah.* Riyadh: Dar al-Thurayya.
- Ibn Qayyim Al-Jawziyyah Abu 'Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr 1993. *Mukhtasar Madarij al-Salikin.* Iskandariyah: Dar Da'wah.
- Ibn Manzur Jamal al-Din Muhammad bin Mukram al-Ifriqi al-Misri abu al-Fadl. 1990. *Lisan al-Arab.* Beirut: Dar Sadir
- al-Jurjani Ali bin Muhammad al-Sayid al-Syarif. t.t. *Mu'jam al-Ta'rifat.* Kaherah: Dar al-Fadilah.
- Muhammad Uthman Najati. 1992. *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs.* Beirut, Lubnan: Dar al-Shuruq.
- Munir Ba'albaki. 1994. *Al-Mawrid.* Beirut: Dar al-'Ilm lil Malayin. hal 472-473
- Mustafa Ibrahim et.al. 1972. *al-Mu'jam al-Wasit.* Kaherah: Dar al-Da'wah
- Muslim, Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairiy al-Naysaburi. 1955. *Sahih Muslim.* Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Mustafa Sa'id al-Khan et.al. 1987. *Nuzhah al-Muttaqin Syarh Riyadh al-Salihin.* Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Najati.M.U. 1992. *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs.* Cetakan ke-5. Beirut, Lubnan: Dar al-Shuruq.
- Al-Nawawi. Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf. 1996. *Al-Minhaj Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi.* Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Nawawi. Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahya Sharif. 1989. *Hadis Empat Puluh.* Terj. Mustafa Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2001. *al-Ibadah fi al-Islam.* Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ramayulis, H. Prof. Dr. 2004. *Psikologi Agama.* Cetakan Ketujuh. Jakarta: Kalam Mulia.

- Al-Sa'adi Abu Abd. Allah Abd al-Rahman bin Nasir. 1423H. *Bahjah al-Qulub al-Abrar wa Qurrah al-'Uyun al-Akhyar fi Syarhi Jawami' al-Akhbar*. al-Mamlakah al-'Arabiyah al-Sa'udiyah: Wizarah al-Syu'un al-Islamiyah wa al-Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irsyad.
- Salasiah Hanin Hamjah. 2004. *Spiritual Dalam Kaunseling: Kepentingan dan Cabaran*. *International Seminar On Islamic Thought*. [http://www.alambuku.tripod.com/pdf/ISOITCD%20XP.pdf.html\(t.th\)](http://www.alambuku.tripod.com/pdf/ISOITCD%20XP.pdf.html(t.th))
- Salasiah Hanin Hamjah. 2016. *Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut al-Ghazali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suriani Sudi, Fariza Md.Sham & Phayilah Yama. 2016. *Konsep Kecerdasan Spiritual Islam Dan Barat*. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Vol 3 Bil 1 (Jun 2016) e-ISSN: 2289 8042
- Syed Najmuddin Syed Hassan. 2005. *Hubungan Antara Faktor Kecerdasan Emosi, Nilai Kerja Dan Prestasi Kerja Di Kalangan Guru Maktab Rendah Sains Mara*. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Vaughan, F. 2002. *What Is Spiritual Intelligence?* *Journal of Humanistic Psychology* 42 (2): 16-30.
- Wechsler, David. 1958. *The Measurement and Appraisal of Adult Intelligence*. 4th Ed. Baltimore: William Wilkins.
- Zakaria Stapa. 2005. Menangani Persoalan Penyakit Sosial Melalui Pendidikan Kerohanian Islam. *Jurnal Yadim* (7): 17-40. ISSN 1511-905X
- _____. 2005. *Kamus Dewan Edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1999. *Webster's World Encyclopedia*. New York: Webster Publishing Pty Ltd. Ed. Millennium.